

## Kriteria Bangunan Ikonik dalam Menentukan Keberkesanan Aspek Fizikal dan Fungsi (Iconic Building Criteria in Determining Effectiveness Physical and Functional Aspects)

Ismar M.S. Usman<sup>a</sup>, Nur Elisya' Jasmi Thien<sup>a</sup>, M.F. Irfan Md Nor<sup>a</sup>, Mazlan Mohd Tahir<sup>a</sup>, Nangkula Utaberta<sup>b</sup> & Andika Saputra<sup>c</sup>

<sup>a</sup>Jabatan Senibina dan Alam Bina, Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia.

<sup>b</sup>School of Architecture and Built Environment (SABE), Faculty of Engineering, Technology and Built Environment, UCSI University, Cheras, Kuala Lumpur

<sup>c</sup>Architecture Department, Faculty of Engineering, Universitas Muhammadiyah Surakarta, Surakarta, Indonesia

\*Corresponding author: ismarms@ukm.edu.my

Received 10 May 2022, Received in revised form 31 May 2022

Accepted 14 July 2022, Available online 30 October 2022

### ABSTRAK

Perkembangan dalam dunia seni bina semakin membangun dengan pesat dan menyumbang pada kemunculan bangunan – bangunan baharu. Namun, kemunculan pembangunan baharu telah menyebabkan kekeliruan identiti sesuatu kawasan. Dalam menyelesaikan isu identiti, pelbagai binaan bangunan bercirikan ikonik dihasilkan untuk dijadikan sebagai lambang dalam bandar di serata dunia. Seni bina bercirikan ikonik setempat dapat dijadikan sebagai satu tanda tempat di suatu kawasan atau lebih dikenali sebagai 'mercu tanda' sesuatu kawasan yang melambangkan karya seni bina pada era waktu tertentu di sesuatu kawasan tersebut. Objektif kajian adalah bagi mengenal pasti karakter- karakter, ciri – ciri, dan mercu tanda kawasan dalam menentukan seni bina ikonik yang menjadi langkah penyelesaian isu identiti dalam sesebuah kawasan. Kajian ini lebih menfokuskan pada aspek asas yang membentuk sebuah persekitaran, iaitu dari segi fizikal, sosial, psikologi dan perilaku. Kaedah kajian dalam dalam penelitian ini dilakukan dengan kajian secara langsung dengan menggunakan teknik fotografi, pemerhatian, temubual dan soal selidik untuk mendapatkan kesan atau persepsi daripada orang lain yang melihat bangunan tersebut. Secara keseluruhannya, berdasarkan daripada kajian sekunder atau kajian literatur, dapat disimpulkan bahawa definisi dalam menentukan sebuah bangunan tersebut ikonik adalah dengan mengkaji reka bentuk sesuatu bangunan tersebut yang dibina mengikut era dan zaman yang memenuhi kriteria dan konsep ikonik, iaitu sebuah bangunan yang mempunyai skala dan bersifat megah, geometrikal, serta mempunyai sifat dan elemen yang gah melalui ekspresi pelbagai aspek, terutamanya dalam penggunaan struktur dan bahan binaan, serta fungsi yang menjadikannya sebagai kawasan tumpuan yang penting. Oleh itu, jangkaan hasil kajian terhadap perbandingan ciri – ciri beberapa bangunan tersebut haruslah mampu menilai dalam menentukan kriteria untuk menjadi sebuah bangunan ikonik bagi memartabatkan lagi identiti setempat dalam bandar.

Kata kunci: Kriteria ikonik; bangunan ikonik; mercu tanda

### ABSTRACT

Developments in the world of architecture are developing rapidly and contributing to the emergence of new buildings. However, the emergence of new development has led to confusion of the identity of an area. In resolving the issue of identity, various iconic buildings were produced to serve as symbols in cities around the world. Local iconic architecture can be used as a landmark in an area or better known as the 'landmark' of an area that symbolizes the work of architecture at a particular time in an area. The objective of the study is to identify the characters, characteristics, and landmarks of the area in determining the iconic architecture that is a step to resolve the issue of identity in an area. This study focuses more on the basic aspects that make up an environment, namely in terms of physical, social, psychological and behavioral. The research method in this study was done with live research using photographic techniques, observation, interviews and questionnaires to get the impression or perception from others who saw the building. Overall, based on secondary studies or literacy studies, it can be concluded that the definition in determining a building is iconic is to study the design of a building built according to the era and era that meets the criteria and concept of iconic, that is a building that has scale and majestic. , geometrical, as well as having properties and elements that stand out through the expression of various aspects, especially in the use of structures and building materials, as well as functions that make them an important area of focus. Therefore, the expected results of the study on the comparison of the characteristics of some of the buildings should be able to evaluate in determining the criteria to become an iconic building to further elevate the local identity in the city.

Keywords: Iconic criteria; iconic building; landmark

## PENGENALAN

Seni bina merupakan sebuah industri yang telah lama dimartabatkan yang pada mulanya, seni bina hanya berperanan untuk memenuhi keperluan asas kehidupan manusia, iaitu tempat tinggal. Namun lama – kelamaan semakin berkembang dan maju mengikut perkembangan kehidupan manusia sepanjang zaman. Seni bina dapat menggabungkan dan menyatukan pelbagai aspek, yang merangkumi aspek kesenian, ekologi, sains, dan teknologi. Seni bina merupakan kunci dalam semua aspek kehidupan, bermula dari tempat perlindungan (rumah), rumah ibadat, hospital, sekolah – sekolah, universiti dan tempat pengajian, kilang – kilang, jalan, kawasan awam, dan sebagainya. Oleh sebab itu, adalah sukar untuk mencari sesuatu ruang yang tidak mempunyai hubungkait dengan seni bina.

Globalisasi, teknologi, masa dan kepadatan ruang, mobiliti dan media mempromosikan seni bina dan membantu dalam mendapatkan dimensi yang lebih berbanding hanya kegunaan asas terhadap sesuatu bangunan tersebut. Dalam pada itu, bandar turut mengembangkan strategi dan polisi untuk dikenali secara global dan mendapat kelebihan dalam penghasilan seni bina ikonik dan arkitek ikonik, yang mana media memainkan peranan penting untuk meningkatkan taraf sesuatu bandar yang menyumbang dalam strategi pembangunan. Contoh terbaik seni bina ikonik yang menyumbang pada tarikan sesuatu bandar ialah seperti Opera Sydney yang direka oleh Jorn Utzon, Muzium Guggenheim Bilbao yang direka oleh Frank Gehry, Menara Swiss Re di London yang direka oleh Norman Foster, dan sebagainya (Rahim 2001).

Artikel ini bertujuan untuk membincangkan mengenai seni bina ikonik yang dapat menyumbang pada tarikan dalam bandar serta membantu dalam mewujudkan gambaran identifikasi sesuatu kawasan. Kajian ini akan membincangkan mengenai bagaimana seni bina ikonik dapat menyumbang dalam pro-pembangunan (politik, pelabur dan lain – lain industri).

Kepelbagaian reka bentuk seni bina di suatu bandar adalah merupakan hasil gabungan yang terbentuk secara fizikal dan memainkan peranan yang amat penting terutamanya dari aspek identiti sesebuah bandar. Elemen – elemen seni bina di suatu kawasan memainkan peranan penting yang menyumbang pada '*sense of place*' atau perasaan setempat di suatu kawasan. Hal ini secara tidak langsung menjadikan satu kawasan tersebut unik dengan identiti tersendiri. Oleh itu, keunikan tersendiri tersebut dapat dijadikan sebagai satu faktor dan punca penting sebagai kawasan tarikan pengunjung sama ada masyarakat sekitar mahupun pengunjung dari luar. Reka bentuk dan seni bina sesuatu bangunan ikonik yang berjaya mempunyai ciri dan nilai estetika serta keberkesanan fungsinya yang memberi makna kepada orang luar untuk lebih memahami dan mengenali tentang reka bentuk dan sejarah silam pembentukan bangunan tersebut. Ruang dan reka bentuk yang mempunyai nilai estetika memberi makna dan motivasi kepada pengunjung untuk mendapatkan pengalaman

yang begitu berharga terhadap keunikan di kawasan yang berlainan (Abdul Manaf 2017). Oleh itu, seni bina amat penting dalam memberi kesan terhadap lambang dan identiti sesebuah bandar.

Seni bina juga sentiasa memberi pengaruh yang kuat dalam aspek penglibatan masyarakat luar dan tempatan. Dalam erti kata lain, seni bina memberi kesan motivasi pelancongan terhadap pengunjung. Motivasi pelancongan merupakan punca 'tolak' dan 'tarik' yang memberi kesan terhadap pengunjung untuk bercuti (punca tolak) dan pilihan ke tempat percutian (punca tarik). Seni bina yang hebat mampu menaikkan imej suatu kawasan seterusnya menjadi terkenal di persada dunia (Tours 2019). Pelancongan merupakan satu kunci untuk memperoleh dan merasai pengalaman istimewa yang mana sesuatu kawasan tersebut akan menjadi satu saat yang akan sentiasa tersemam dalam ingatan. Hal ini berlaku dengan adanya keunikan dan keistimewaan sesuatu tempat melalui elemen perasaan setempat dalam reka bentuk bangunan.

## PERMASALAHAN KAJIAN

Simbol ikonik adalah penting kerana ianya mampu menonjolkan imej dan membentuk identiti sesebuah negara. Dalam konteks keperluan masyarakat pula, tidak kira masyarakat asing mahupun tempatan sering berkunjung ke suatu tempat yang mempunyai ciri dan daya tarikan yang menarik, terutama dari segi seni binanya. Sesuatu tempat mempunyai pengaruh yang kuat sekiranya sesuatu kawasan tersebut mempunyai faktor tarikan seni bina ikonik yang melambangkan mercu tanda sesuatu kawasan tersebut.

Namun, seringkali timbul isu dan masalah mengenai identiti bagi setiap negara dan perbincangan mengenai isu tersebut sering diperkatakan terutama bagi negara yang sentiasa berkembang dari semasa ke semasa. Meskipun wujudnya pelbagai pembangunan yang semakin maju mengikut peredaran zaman, namun seringkali masyarakat semakin keliru terhadap binaan ikonik yang manakah melambangkan sesebuah kawasan tersebut. Kesannya, timbullah persoalan – persoalan seperti binaan manakah yang merupakan lambang dan simbol ikonik, dan apakah kriteria – kriteria atau kecirian dalam menentukan keikonikan sesebuah binaan tersebut.

Seni bina ikonik tidak mempunyai definisi yang kukuh. Kajian mendapati ianya bergantung kepada sudut pandangan dari orang ramai. Namun, terdapat beberapa piawaian kriteria – kriteria dalam menentukan binaan ikonik berdasarkan beberapa kajian – kajian oleh pengkaji, namun ianya tidak begitu ditekankan menyebabkan kekeliruan dan kesalahfahaman identiti dalam menentukan binaan ikonik yang mempunyai pengaruh yang kuat dan ciri – ciri yang baik. (Architecture Debate: Iconic Buildings Design 2017).

Berdasarkan pengkaji dan ulasan mengenai seni bina pada masa kini, pelbagai pihak sering menimbulkan isu mengenai seni bina ikonik di Malaysia yang hanya mempunyai nilai ikonik dari sudut reka bentuk luaran

sahaja. Hal ini telah menyebabkan timbulnya pembangunan yang tidak mempunyai makna, namun hanya menekankan kosmetik luaran sahaja. Berdasarkan beberapa kajian tentang seni bina yang melambangkan imej sesebuah kawasan, sebuah binaan yang berjaya bukan sahaja ianya merupakan binaan yang baik dari segi reka bentuk luaran yang mana reka bentuknya dapat mempengaruhi keseluruhan kawasan setempat tersebut sahaja, namun ianya juga perlu berjaya dari sudut penggunaan fungsinya. Binaan yang baik haruslah mempunyai fungsi yang pelbagai, agar ianya sentiasa hidup dan tidak merundum.

## KAJIAN LITERATUR

### DEFINISI IKON DAN IKONIK

Menurut Kamus Dewan dan Pustaka, ikon bermaksud suatu istilah yang melambangkan simbol atau gambar, imej, gambaran dan lambang (Hawkins 2006). Perkataan ikonik pula berasal dari Bahasa Yunani iaitu ‘*icon*’ yang bermaksud imej, angka, perwakilan yang kemudiannya ditambahkan pada akhiran *-ic* menjadi satu kata sifat ‘*iconic*’ yang membawa maksud satu sifat atau ciri yang ikonik yang menggambarkan atau mewakili sesuatu objek. Perkataan “ikonik” juga mempunyai beberapa makna, iaitu termasuklah ianya sebagai salah satu watak yang menunjukkan kewujudan satu sifat yang mudah dikenali, satu sifat yang menjadi model atau prinsipal berbanding yang lain serta kewujudan yang menggambar sesuatu dengan kuat (Pawitro 2012).

### SENI BINA IKONIK

Seni bina ikonik digelar sebagai sebuah simbol kepada sebuah bandar atau negara iaitu lokasi sesebuah bangunan tersebut dibina. Meskipun ianya sebuah simbol, namun ianya tidaklah sama dengan monumen, kerana bangunan ikonik mempunyai nilai sejarah dan hubungkait dengan sejarah masa lampau, budaya sesebuah kawasan atau masyarakat. Seni bina ikonik secara umumnya didefinisikan oleh masyarakat secara berlainan, yang bermaksud mempunyai kelainan dari bangunan di sekelilingnya, dari segi reka bentuk, saiz, tampak luaran visualnya, fabrik urbanisasi, gaya seni bina, dan sebagainya. Ianya memberi impak pada masyarakat dan kawasan sesebuah bangunan tersebut didirikan. Sudut pandangan dan kesannya yang bertahan lama ini yang menjadikannya ikonik. “Ikonik tidak hanya terkenal disebabkan ianya terkenal pada masa kini. Namun, ianya terkenal disebabkan ianya dalam proses ke arah untuk menjadi suatu simbol dan mempunyai kualiti dari segi nilai estetika (Gareth 2010).

Namun yang demikian, tiada definisi yang menunjukkan sesebuah bangunan tersebut adalah ikon secara tersendiri. Ia bergantung kepada ciri – ciri seni bina tersebut sendiri serta dipengaruhi dengan konteks sekeliling bagi menentukannya sebagai satu bangunan yang ikonik di sesuatu kawasan tersebut. seni bina bangunan yang

digelar sebagai ikonik haruslah mempunyai bentuk yang ‘attractive’ serta berada di tempat yang strategik dan menjadi titik utama atau ‘focal point’ suatu tempat. Bangunan ikonik lazimnya mampu mencerminkan sejarah, hasil seni bina suatu era dan karakter di samping menjadi satu ‘tanda’ di sesuatu tempat tersebut (Jencks 2008). Berdasarkan petikan Charles Jencks dalam buku “*iconic buildings*”, : “*to become iconic a building must provide a new and condensed image, be high in figural shape or gestalt, and stand out from the city. On the other hand, to become powerful it must be reminiscent in some ways of unlikely but important metaphors and be a symbol fit to be worshipped, a hard task in a secular society.*” Petikan tersebut menyatakan bahawa, untuk menjadi bangunan ikonik, sesuatu bangunan tersebut mestilah memberi gambaran yang baharu dan unik, mempunyai saiz yang lebih tinggi dan besar dari segi saiz reka bentuk serta tanggapan yang hebat berbanding bangunan yang lain di persekitarannya. Bangunan tersebut haruslah mampu menjadi ikonik, menjadi tanda kemegahan dan mempunyai pengaruh dan identiti kuat serta menonjol di sesuatu kawasan untuk mempengaruhi orang ramai agar sentiasa diingati. Selain itu, sekiranya bangunan tersebut dibina untuk menjadi satu bangunan yang ikonik, bangunan tersebut haruslah memberi makna yang kuat dan mempunyai alasan mengapa ianya dibina ke arah reka bentuk tersebut. sesuatu bangunan ikonik haruslah mampu menceritakan secara tersirat kepada orang yang melihatnya.

### KLASIFIKASI BANGUNAN IKONIK

Dalam era globalisasi ini, ‘*iconic architecture*’ atau seni bina ikonik secara umumnya mempunyai kaitan dengan fungsi asas bangunan seperti bangunan muzium, pusat beli – belah, bangunan pejabat, sebagainya, yang mana bangunan – bangunan ini mempunyai reka bentuk luaran yang unik dan mempunyai kelainan dalam setiap bandar yang berbeza. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji dan meneliti beberapa bangunan yang menjadikannya ikonik. Oleh itu, terdapat beberapa jenis klasifikasi yang menjadikan sesebuah bangunan menjadi ikonik. Berdasarkan petikan dari kajian tesis yang bertajuk ‘*Iconic Building Classification*’ oleh Nagy (2015), berikut merupakan klasifikasi bangunan – bangunan yang kebanyakannya dilabel sebagai ikonik:

1. Faktor sejarah keunikan reka bentuk
2. Penggunaan teknik yang baharu
3. Ketinggian bangunan (*High level*)
4. Faktor keagamaan
5. Faktor politik
6. Faktor ekonomi
7. Penggunaan bahan binaan yang baharu
8. Penggunaan teknologi yang baharu

Berdasarkan kajian tesis oleh Abdul Rahman, dalam tesis Nilai Seni bina Dalam Industri Pelancongan (2014), sebanyak 99 peratus responden bersetuju bahawa nilai seni bina adalah penting sebagai imej pelancongan dan memberi impak kepada pembangunan ekonomi, persekitaran dan

sosial. Nilai seni bina boleh dilihat berdasarkan bentuk estetik yang menjadikan sesebuah binaan itu diiktiraf oleh orang disekelilingnya contohnya bangunan ikonik boleh menjadikan sesebuah bandar tersebut mudah dikenali dan diingati oleh pelawat. Nilai estetik sangat subjektif untuk dinilai, pengkaji yang mempunyai pengalaman seni bina

merumuskan bahawa nilai tersebut boleh dilihat dalam bentuk fizikal, fungsi bangunan, komponen bangunan, butiran terperinci yang ada pada bangunan dan lainlain faktor yang mempengaruhi nilai estetik tersebut. Merujuk formula yang dicipta oleh Birkhoff, ia dipengaruhi oleh elemen-elemen berikut (Abdul Rahman 2014).

JADUAL 1. Elemen seni bina yang dinilai

Elemen Yang Dinilai	Penerangan
Simetri ( <i>symmetry</i> )	Refleksi bentuk atau elemen yang sama.
Keseimbangan ( <i>Equilibrium</i> )	Reka bentuk yang seimbang.
Imej Bangunan ( <i>Disposition</i> )	Hubungan 2-D menegak, melintang dan penjuru.
Kerumitan bentuk ( <i>Form complexity</i> )	Seni bina yang mempunyai banyak elemen terperinci.
Perhiasan ( <i>Ornaments</i> )	Seni bina yang kaya dengan hiasan dan elemen terperinci.
Perbezaan siluet ( <i>Silhouette differentiation</i> )	Bayangan imej manusia, haiwan, objek atau adengan yang bewarna gelap.

#### KRITERIA FIZIKAL DAN FUNGSI DALAM MENENTUKAN NILAI IKONIK SESEBUAH BINAAN

Hasil penemuan adalah berdasarkan analisis kriteria mengikut faktor yang mempengaruhinya di kawasan bangunan-bangunan kajian. Oleh itu, perhubungannya adalah jelas untuk mencadangkan panduan dan piawaian umum dalam reka bentuk sesebuah bangunan ikonik yang berjaya.

Kekuatan nilai ikonik secara keseluruhannya ditentukan berdasarkan penilaian terhadap beberapa faktor iaitu faktor fizikal reka bentuk bangunan, faktor keagamaan, faktor politik, faktor ekonomi, faktor sejarah, serta faktor penggunaan bahan binaan dan teknologinya. Penemuan kajian mendapati faktor fizikal dan faktor fungsi dalaman sesebuah bangunan merupakan kedua – dua faktor yang paling berkesan dalam mempengaruhi kekuatan nilai ikonik terhadap sesebuah bangunan tersebut. Dalam mencapai objektif kajian ini, beberapa bangunan dipilih sebagai bangunan kajian berdasarkan pengelasan fungsi sesebuah bangunan. Terdapat 10 buah bangunan dikumpulkan untuk dikaji lebih terperinci dan dipilih sebagai bangunan kajian. Bangunan - bangunan tersebut dipilih berdasarkan pemahaman awal mengenai seni bina ikonik di Malaysia khususnya di Kuala Lumpur melalui kajian literatur yang telah dijalankan terlebih dahulu. Bangunan yang dikaji adalah terdiri daripada bangunan yang berfungsi sebagai pejabat, komersial, keagamaan, pentadbiran, dan perumahan. Sekurang – kurangnya 1 jumlah bangunan bagi setiap jenis pengelasan fungsi bangunan telah dikaji untuk menguji dan membuat perbandingan dengan lebih berkesan.

Seterusnya, kaji soal selidik telah dijalankan di sekitar bandar Kuala Lumpur dalam menentukan bangunan yang manakah merupakan bangunan ikonik yang paling dominan daripada 10 bangunan ini dari sudut pandangan pelbagai lapisan masyarakat. Kajian soal selidik dan temuramah telah dijalankan kepada 100 jumlah responden. Responden telah bersetuju bahawa bangunan – bangunan ini merupakan bangunan ikonik bagi bandar Kuala Lumpur. Namun, kekuatan dan kelemahan ikonik tersebut dinilai dengan lebih terperinci berdasarkan sama ada ianya menepati kriteria dan ciri – ciri penilaian seni bina ikonik.

Peringkat awal kajian lebih menfokuskan untuk menentukan bangunan yang manakah yang mudah dikenali pasti oleh orang ramai. Dalam mencapai tujuan ini, sebanyak 10 bangunan dikumpulkan. Bangunan – bangunan tersebut kemudian dikategorikan mengikut 6 fungsi kategori bangunan utama, iaitu komersial, keagamaan, pentadbiran, perumahan, dan pejabat.

Dalam peringkat kedua, kajian adalah untuk mengkaji 10 jumlah bangunan tersebut pada responden. Kajian soal selidik dijalankan ke atas 100 orang yang terdiri daripada pengunjung dan pelancong di sekitar bangunan – bangunan kajian di Bandar Kuala Lumpur untuk mengetahui pandangan mereka terhadap bangunan manakah yang dapat mereka kenalpasti dan yang paling menonjol di sekitar kawasan tersebut. Gambar – gambar bangunan tersebut diberikan untuk dikenalpasti. Oleh itu, berikut merupakan hasil kajian yang menunjukkan 10 buah bangunan yang paling mudah dikenalpasti oleh orang ramai di sekitar Bandar Kuala Lumpur (Rajah 1).





RAJAH 1. Bangunan – bangunan kajian di Kuala Lumpur


Setelah 10 buah bangunan yang dikenalpasti oleh responden yang mana setiap bangunan tersebut mempunyai fungsi yang berlainan mengikut kategori. Seterusnya, kajian dijalankan ke atas 10 buah bangunan tersebut untuk mengetahui bangunan yang manakah memberi imej dan lambang pada bandar Kuala Lumpur. Hasil keputusan mendapati ramai responden bersetuju bahawa terdapat antara bangunan yang dikenalpasti tersebut merupakan bangunan yang melambangkan imej setempat. Seramai 76 responden bersetuju bahawa Menara Berkembar Petronas melambangkan imej bandar Kuala Lumpur, manakala terdapat 68 orang responden bersetuju bahawa Menara Kuala Lumpur mencerminkan imej setempat. Kedua – dua buah bangunan ini mempunyai catatan tertinggi disebabkan pelbagai faktor, dan faktor utamanya adalah disebabkan keunikan reka bentuk fizikal bangunan tersebut yang berbeza berbanding bangunan – bangunan yang lain di sekitarnya. Sebaliknya, Menara Troika 3 mencatat jumlah yang paling sedikit berbanding yang lainnya, seramai 8 orang responden, manakala Kompleks Daya Bumi kurang mendapat sokongan dari responden, yang mana ianya mencatat hanya 22 orang yang bersetuju. Seterusnya, Bangunan Sultan Abdul Samad mencatat jumlah seramai 55 orang responden manakala seramai 66 orang bersetuju bahawa Bangunan Parlimen mencerminkan imej bandar Kuala Lumpur. Selain itu, Menara Telekom pula mencatat

seramai 36 orang diikuti Menara Maybank seramai 34 orang responden. Akhir sekali merupakan hasil keputusan di kawasan masjid, yang mana mencatat jumlah seramai 61 bagi Masjid Negara dan seramai 58 bagi Masjid Jamek.

JADUAL 2. Faktor mempengaruhi kekuatan imej

Bil	Faktor Mempengaruhi Kekuatan Imej
1.	Faktor Penggunaan Teknologi, Teknik dan Bahan Binaan
2.	Faktor Ekonomi
3.	Faktor Keagamaan
4.	Faktor Sejarah
5.	Faktor Politik
6.	Faktor Fizikal

Rajah 2 ini membincangkan mengenai jumlah responden yang bersetuju tentang perbandingan bangunan kajian dalam melambangkan imej bandar. Berdasarkan daripada jumlah responden yang bersetuju, intipati persetujuan tersebut dipengaruhi oleh beberapa faktor. Oleh itu, jadual di atas menunjukkan setiap bangunan kajian dianalisis mengikut kriteria – kriteria dalam menentukan ikonik sesebuah bangunan berpandukan faktor yang mempengaruhinya berdasarkan panduan yang didapati dari kajian literatur.



RAJAH 2. Jumlah responden bersetuju bangunan - bangunan yang melambangkan imej bandar Kuala Lumpur


Panduan ini digunakan sebagai piawaian dalam soalan kaji selidik untuk mengetahui pandangan responden. Panduan kriteria tersebut terdiri dari pelbagai faktor. Antaranya ialah faktor fizikal dari segi ketinggian, bentuknya yang megah, simetri bangunan, dan reka bentuknya yang unik. Selain itu merupakan faktor keagamaan, faktor politik, faktor ekonomi, faktor sejarah, dan faktor penggunaan bahan binaan teknologi. Oleh itu, perbincangan hasil secara lebih terperinci mengenai setiap faktor serta perbezaannya dalam 10 bangunan kajian dikenal pasti.

Dalam menentukan kriteria dan ciri – ciri ikonik sesebuah bangunan, ianya juga dipengaruhi oleh faktor yang akan menjadikannya sesebuah bangunan ikonik. Berdasarkan kajian literatur yang telah dikaji, didapati bahawa terdapat beberapa faktor dan pengkelasan yang menjadikan sesebuah bangunan tersebut menjadi ikonik. Antaranya adalah disebabkan faktor keagamaan, faktor sejarah, faktor keunikan fizikalnya dari segi penggunaan bahan binaan, teknik serta teknologi yang baharu, dan sebagainya.

FAKTOR FIZIKAL REKA BENTUK BANGUNAN

Secara keseluruhannya, reka bentuk fizikal sesebuah bangunan memainkan peranan yang penting dalam menentukan kriteria ikonik sesebuah binaan. Ciri – ciri

sesebuah bangunan ikonik adalah dari segi perletakan bangunan tersebut yang berada di tempat yang strategik dengan mempunyai skala bangunan yang gagah dan besar yang mampu menarik perhatian dari segi visual, dan mudah untuk diingati dan terkenal yang mana ini dapat mempengaruhi imej keseluruhan bandar. Reka bentuk suatu bangunan yang menarik dan mudah untuk diingati oleh orang ramai mempunyai unsur kekuatan untuk dijadikan sebagai penanda atau ikon pada persekitaran sesuatu kawasan (Pawitro, 2012). Sepertimana hasil kajian yang dicerap pada 10 bangunan di Kuala Lumpur. Rajah 3, menunjukkan kriteria fizikal bagi bangunan ikonik. Secara keseluruhannya, hasil kajian mendapati Menara Berkembar Petronas mencatat jumlah tertinggi dalam memperoleh bilangan responden, yang mana mereka bersetuju bahawa bangunan tersebut ikonik dari segi fizikalnya. Berdasarkan kajian temubual, didapati bahawa hal ini demikian kerana bangunan ini mempunyai keunikannya yang tersendiri berbanding bangunan di sekelilingnya yang dipengaruhi oleh beberapa ciri – ciri fizikal pada bangunan tersebut. Seterusnya keikonikan bangunan Sultan Abdul Samad adalah disebabkan faktor fizikalnya, diikuti dengan Menara Kuala Lumpur, Masjid Negara, Menara Telekom, Bangunan Parlimen dan akhir sekali merupakan Menara Troika 3 yang mencatat jumlah responden yang terendah.




RAJAH 3. Penilaian kriteria ikonik berdasarkan faktor fizikal

#### FAKTOR FUNGSI KEAGAMAAN

Hasil kajian literatur membuktikan bahawa sesebuah bangunan mampu menjadi ikonik disebabkan fungsi bangunan tersebut sebagai sebuah bangunan keagamaan dan ini telah menjadikan sesebuah bangunan tersebut dipandang sebagai satu simbolik yang suci. Namun demikian, meskipun ianya menjadi ikonik disebabkan pengaruh keagamaan, peranan persekitaran juga dapat mempengaruhi kejayaan ikonik bangunan tersebut. Ini telah dibuktikan dengan Masjid Jamek, Rajah 4 menunjukkan penilaian ikonik yang

dipengaruhi oleh faktor keagamaan. Hasil kajian mendapati hanya terdapat dua bangunan sahaja yang faktor ikoniknya dipengaruhi oleh faktor keagamaan, iaitu Masjid Jamek dan Masjid Negara. Namun, antara kedua – dua bangunan ini, Masjid Jamek lebih memenuhi kriteria ikonik dengan mencatat jumlah responden tertinggi yang bersetuju yang mana ianya merupakan binaan ikonik yang kekal dan kuat disebabkan aktiviti persekitarannya yang melibatkan awam dan pelbagai jenis membolehkan ianya kekal lama.




RAJAH 4. Penilaian kriteria ikonik berdasarkan faktor keagamaan

FAKTOR FUNGSI POLITIK

Hasil kajian mendapati sebuah bangunan yang mempunyai pengaruh dan faktor politik berjaya dari sudut ikonik luaran namun tidak secara keseluruhannya. Hal ini disebabkan fungsinya yang terhad kepada pengguna tertentu sahaja menyebabkan ianya pengguna tidak dapat menjiwai sepenuhnya ikonik luaran dan dalamannya. Sepertimana Rajah 5, dari segi faktor politik pula, jumlah tertinggi

merupakan bangunan parlimen dengan jumlah responden tertinggi dan berpendapat bahawa bangunan tersebut pernah menjadi kebanggaan rakyat Malaysia suatu ketika dahulu disebabkan fungsinya sebagai bangunan pentadbiran kerajaan sebelum berpindah ke kawasan Putrajaya. Selain itu, catatan kedua tertinggi merupakan Bangunan Sultan Abdul Samad.




RAJAH 5. Penilaian kriteria ikonik berdasarkan faktor politik

FAKTOR FUNGSI EKONOMI

Dari sudut ekonomi pula, bangunan – bangunan yang dibina bertujuan atas faktor ekonomi mampu mengekalkan dan menjadikan sesebuah penggunaan fungsi ruangan dalaman tersebut berjaya. Hal ini demikian disebabkan ianya melibatkan aktiviti – aktiviti kepada orang ramai dan ini dapat mengukuhkan lagi kebergantungan masyarakat terhadap sesebuah kawasan tersebut. Rajah 6 menunjukkan penilaian ikonik yang dipengaruhi faktor ekonomi. Antara kesemua 10 bangunan, hanya 7 bangunan yang dipersetujui oleh responden. Menara Berkembar Petronas dan Menara

Kuala Lumpur mencatat jumlah tertinggi diikuti dengan Menara Parlimen. Seterusnya diikuti oleh Menara Maybank dan Menara Telekom. Catatan terendah merupakan Kompleks Daya Bumi dan Menara Troika. Responden berpendapat bahawa Menara Berkembar Petronas dan Menara Kuala Lumpur ini menjadi ikonik disebabkan tarikan komersialnya yang unik dan istimewa menyebabkan ramai pengunjung tempatan dan luar negara datang ke kawasan tersebut. Hal ini dapat menyumbang pada pengukuhan ekonomi disebabkan kemasukan ramai pelancong untuk ke bangunan tersebut.




RAJAH 6. Penilaian kriteria ikonik berdasarkan faktor ekonomi



## FAKTOR FUNGSI SEJARAH

Dari sudut binaan yang didirikan yang mempunyai nilai sejarah, hasil kajian mendapati faktor sejarah merupakan satu faktor yang kuat dalam mempengaruhi ikonik luaran sesebuah reka bentuk bangunan. Hal ini disebabkan ianya melambangkan sebuah kemajuan pada suatu ketika dahulu, yang mana sehingga kini masih kekal dan menjadi unik kerana masih utuh meskipun zaman telah berubah ke zaman moden. (Massoud & Beigzadeh, 2013).

Rajah 7 menunjukkan bahawa terdapat 3 buah bangunan melambangkan imej bandar yang dipengaruhi faktor sejarah, iaitu Bangunan Sultan Abdul Samad, Masjid Jamek, dan Masjid Negara. Daripada kesemua 10 bangunan, hanya 3 bangunan ini yang dipilih kerana mempunyai nilai sejarah yang tinggi berbanding yang lain. Antara ketiga – tiga bangunan ini, didapati bahawa Bangunan Sultan Abdul Samad mempunyai kedudukan tertinggi diikuti dengan Masjid Jamek dan Masjid Negara.




RAJAH 7. Penilaian kriteria ikonik berdasarkan faktor sejarah

## FAKTOR PENGGUNAAN BAHAN BINAAN TEKNOLOGI

Berdasarkan Rajah 8, di antara kesemua bangunan, terdapat dua buah bangunan yang mempunyai catatan tertinggi, iaitu Menara Berkembar Petronas dan Menara Kuala Lumpur yang masing – masing mempunyai catatan hampir sama dan tertinggi. Kajian temubual mendapati kedua – dua bangunan ini mempunyai keunikan dari segi bahan binaan dan teknologi moden yang digunakan. Hal

ini menunjukkan Malaysia sebuah negara yang moden dari segi pembangunannya, setaraf dengan negara – negara maju yang lain. Oleh itu, ianya wajar digelar sebagai ikonik kerana ini juga meningkatkan imej dan reputasi negara dalam kemajuan sektor pembinaan berbanding bangunan kajian yang lain. Namun, bangunan lain seperti Menara Telekom, Menara Maybank, Masjid Negara, dan Menara Troika juga dipengaruhi oleh faktor ini namun pada peringkat sederhana berbanding kedua bangunan utama tersebut.



RAJAH 8. Penilaian kriteria ikonik berdasarkan faktor penggunaan bahan binaan dan teknologi

## KESIMPULAN

Jelaslah bahawa elemen nilai ikonik amat penting dalam mempengaruhi aspek penglibatan awam dalam keberkesanan fungsinya. Dalam konteks perhubungan kriteria ikonik sesebuah bangunan terhadap pelancongan, jumlah penglibatan awam dipengaruhi beberapa faktor dan salah satunya adalah untuk melihat pada keunikan sesebuah kawasan tersebut dari segi luaran dan fungsi dalaman untuk mendapatkan pengalaman secara realistik dan tidak hanya dapat dilihat dalam media sahaja. Oleh itu, pengaruh nilai sesebuah reka bentuk luaran dan dalaman amat penting dan perlu diketengahkan. Sesebuah bangunan ikonik juga mampu meningkatkan identiti setempat dan menjadi lambang kepada sesuatu tempat. Hal ini dapat dijadikan suatu elemen penting dalam aspek perbandaran di Malaysia, khususnya membantu dalam sektor ekonomi di Malaysia. Oleh itu, hubungan kedua – dua aspek ini saling berkait dan perlu ditekankan dalam sesuatu kawasan. Oleh itu, kajian ini diharapkan dapat memberi manfaat kepada orang ramai serta memberi sebuah pemahaman yang jelas tentang konteks perhubungan nilai ikonik setempat sesebuah binaan dalam mempengaruhi aspek penglibatan awam serta penyelesaian isu kekeliruan identiti dalam bandar.

## PENGHARGAAN

Penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada Universiti Kebangsaan Malaysia atas sokongan kewangan mereka di bawah geran UKM-OUP-TK-15-67/2009 dan TAP-K014523.

## RUJUKAN

- Abdul Rahman, N. 2014. Nilai Seni bina Dalam Industri Pelancongan, Kajian Kes: Bandaraya Johor Bahru.
- Abdull Manaf, M. N. 2017. Identiti tempat pelancongan bagi bandar-bandar kecil lama: Kajian kes Teluk Intan dan Batu Gajah
- Architecture Debate: Iconic Buildings Design. 2017. <http://www.e-architect.co.uk/iconicarchitecture.htm>: [1 Oktober 2019]
- Gareth, W. 2010. What is 'Iconic Architecture? And Which Buildings Are Relevant to It? Polyark-bd-online, Manchester, United Kingdom.
- Hawkins, J.M. 2006. Kamus Dwibahasa Oxford Fajar, Edisi Keempat. Oxford Fajar Sdn Bhd.
- Jencks, C. 2008. Book: The Iconic Building, <http://Fractal.Org/Samenhang-IndustrieelOntwerpen/Charles-Jencks.Htm>, [26 Oktober 2019]
- Massoud, M. & Beigzadeh, S.M. 2013. In Fill Building in Historical Urban Textures Principles and Criteria. Tehran: Azarakhsh Publications.
- Nagy, S. 2015. [https://www.academia.edu/21222671/iconic\\_buildings\\_classification](https://www.academia.edu/21222671/iconic_buildings_classification)
- Pawitro, U. 2012. Perkembangan 'Arsitektur Ikonik' Di Berbagai Belahan Dunia.
- Rahim, S.A. 2001. Media dan identiti budaya: Cabaran media terhadap masyarakat Malaysia di alaf ke-21.
- Tours, V. 2019. Pelancongan Kebudayaan. <https://may.vivittours.com/cultural-tourism20-cultural-cities-world-that-cannot-besurpassed-any-other-654150>